

## **BANK ISLAM PERLUAS PERKHIDMATAN EJEN PERBANKAN KE MALAYSIA TIMUR**

**KUALA LUMPUR, Rabu, [26 Februari 2025]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) terus mempertingkatkan rangkuman kewangan dengan memperluas perkhidmatan ejen perbankan ke empat lokasi di Malaysia Timur mulai 24 Februari 2025. Inisiatif Ejen Bank Berdaftar (EBB) Bank Islam seiring dengan komitmen Bank untuk menyediakan penyelesaian perbankan patuh Syariah yang mudah diakses dan selesa kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Lokasi baharu EBB Bank Islam terletak secara strategik di cawangan Ar-Rahnu YaPEIM di Semporna, Sipitang dan Kota Belud, Sabah, serta Lawas, Sarawak. Perluasan ini membolehkan komuniti setempat mendapat akses perbankan yang lebih mudah tanpa perlu mengembara sejauh 50 hingga lebih 100 km ke cawangan atau terminal layan diri Bank Islam terdekat. Melalui Ar-Rahnu YaPEIM sebagai ejen perbankan yang dilantik Bank, pelanggan boleh menyempurnakan transaksi perbankan penting seperti deposit dan pengeluaran tunai serta menambah nilai peranti mudah alih mereka.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan dan Ketua Pegawai Kemampanan Kumpulan Bank Islam, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff berkata, “Perluasan EBB Bank Islam mencerminkan komitmen kami dalam memperkuatkan rangkuman kewangan di seluruh Malaysia. Kerjasama strategik kami dengan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) di bawah Koperasi YaPEIM Berhad (KYB) melalui cawangan Ar-Rahnu YaPEIM (ARY) serta MESRA RETAIL & CAFÉ SDN. BHD. (MESRA) (anak syarikat PETRONAS Dagangan Berhad) menerusi rangkaian Kedai Mesra, membolehkan kami mendekatkan perkhidmatan perbankan penting kepada komuniti yang sebelum ini mempunyai akses terhadap terhadap kemudahan perbankan tradisional.”

Beliau menambah, “Transaksi di premis ejen perbankan kami dijalankan secara masa nyata, direkod secara elektronik, dan diuruskan dengan selamat bagi memastikan kepentingan semua pemegang taruh termasuk pelanggan, ejen dan Bank. Pelanggan boleh mengunjungi cawangan EBB Bank Islam untuk menikmati perkhidmatan perbankan yang lancar tanpa dikenakan kos tambahan.”

Sejak penubuhannya pada tahun 2019, EBB Bank Islam telah memberikan kemudahan kepada ribuan pelanggan, terutamanya di kawasan luar bandar. Ketika ini, terdapat 37 ejen, termasuk 4 premis baharu di bawah EBB Bank Islam di seluruh negara dengan sasaran untuk meningkatkan jumlah ini kepada 50 menjelang akhir tahun 2025. Pertumbuhan ini akan disokong dengan pelantikan lebih banyak ejen di Sabah dan Sarawak.

"Perluasan ke wilayah Malaysia Timur menandakan pencapaian penting bagi Bank dalam memperluaskan akses kewangan dan memperkasakan ekonomi tempatan. Pengembangan ini melengkapi penawaran perbankan digital Bank Islam, membolehkan pelanggan memilih antara transaksi secara bersemuka atau dalam talian, bergantung kepada keutamaan dan keperluan mereka. Kami juga menggalakkan pelanggan untuk melakukan transaksi perbankan secara elektronik bagi meningkatkan kemudahan dan keselamatan. Selaras dengan usaha transformasi digitalnya, Bank Islam telah melancarkan platform perbankan mudah alih baharu, BIMB Mobile, yang menggantikan aplikasi GO by Bank Islam serta platform perbankan Internet baharu, BIMB Web. Hampir 1 juta pelanggan telah beralih kepada sistem baharu ini setakat ini," kata Mohamed Iran.

Sempena pelancaran perkhidmatan baharu ini, Bank Islam akan mengadakan siri jelajah EBB di Ar-Rahnu YaPEIM Sipitang dan Lawas dari 24 hingga 25 Februari 2025, di Semporna dari 25 hingga 26 Februari 2025, dan di Kota Belud dari 26 hingga 27 Februari 2025.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan lokasi EBB Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Perhubungan Bank Islam di 03-26 900 900.

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.